

PERSAINGAN KUASA ANTARA KOMUNIS DENGAN KERAJAAN DI TANAH MELAYU, 1948-1960

POWER RIVALRY BETWEEN THE COMMUNISTS AND THE GOVERNMENT IN MALAYA, 1948-1960

Ho Hui Ling
Universiti Malaya, MALAYSIA

Abstrak

Gerakan komunis adalah ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan di Tanah Melayu. Dengan itu, kerajaan (merujuk kepada pentadbiran British) mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu (1948-1960). Komunis (Parti Komunis Malaya/PKM) dan kerajaan mempunyai agenda politik masing-masing di Tanah Melayu. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan permasalahan gerakan komunis dan tindakan kerajaan untuk menentang komunis. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah kajian perpustakaan dengan merujuk sumber primer seperti rekod Pejabat Tanah Jajahan, laporan dan terbitan kerajaan serta akhbar, dan pelbagai sumber sekunder seperti buku serta artikel. Penulisan ini mendapati bahawa wujud persaingan kuasa di antara komunis dengan kerajaan dalam menegakkan kuasa dan melebarkan pengaruh masing-masing dalam kalangan penduduk Tanah Melayu pada zaman darurat. Persaingan ini wujud ekoran daripada PKM yang ingin menguasai Tanah Melayu dan menubuhkan republik komunis, manakala kerajaan pula bertindak untuk menghalang rancangan politik PKM kerana boleh menjelaskan pentadbirannya di Tanah Melayu. Justeru, usaha diambil oleh kerajaan untuk membanteras komunis. Usaha kerajaan itu mendatangkan kesulitan kepada gerakan komunis, terutama dalam memperoleh bekalan makanan, maklumat dan bantuan dari kalangan penduduk Tanah Melayu. Sebaliknya, usaha kerajaan itu berjaya memenangi kerjasama penduduk kepada pihak kerajaan. Akhirnya gerakan komunis dapat ditumpaskan dan penguatkuasaan darurat ditarik balik pada 31 Julai 1960.

Kata kunci: Komunis, Ketenteraman Awam, Darurat, Pentadbiran British, Tanah Melayu

Abstract

The communist movement was a threat to public order and security in Malaya. Thus, the government (referring to the British administration) declared the emergency in Malaya (1948-1960). The communists (Malayan Communist Party/MCP) and the government had their own political agendas in Malaya. This article aims to discuss the problems of the communists movement and the government actions against the communists. This article uses a qualitative approach, that is, library research method by referring to primary sources such as Colonial Office records, government reports and publications and newspapers, as well as various secondary sources such as books and articles. This writing found that there was a power struggle between the communists and the government in upholding power and widening their influence among the people of Malaya during the emergency period. This condition is caused by MCP who wanted to take control of Malaya and establish a communist republic, while the government acts to prevent the political plans of MCP as it could affect British administration in Malaya. Hence, efforts were taken by government to combat the communists. The government's efforts caused difficulties to the communist movement, especially in obtaining food supplies, information and assistance from the population. On the other hand, the efforts of the government managed to win the cooperation of the people of

Malaya. Finally the communist movement could be defeated and the emergency enforcement withdrawn on 31 July, 1960.

Keywords: Communist, Public Order, Emergency, British Administration, Malaya.

Pengenalan

Gerakan komunis mendaratkan ancaman kepada kestabilan dan keselamatan Tanah Melayu sejak sebelum merdeka. Kemunculan gerakan komunis bukan sahaja menimbulkan masalah dan gangguan kepada kehidupan penduduk tetapi juga pihak British yang menguasai pentadbiran di Tanah Melayu pada ketika itu. Pihak British bertujuan untuk menguasai ekonomi, pentadbiran dan penduduk di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, komunis juga bergerak untuk mempengaruhi penduduk dan seterusnya menguasai pentadbiran di Tanah Melayu. Hal ini membawa kepada berlakunya pertentangan dan persaingan kuasa mereka di negeri-negeri Melayu. Gerakan komunis di Tanah Melayu bermula pada awal tahun 1920-an lagi. Gerakan komunis menjadi lebih rancak dan tersusun dengan pembentukan Parti Komunis Malaya (PKM) pada April 1930. Gerakan komunis mencapai kemuncak pada Jun 1948 berikutan PKM mempergiatkan kegiatan keganasan dan kekerasan di negeri-negeri Melayu dan bermulanya gerakan bersenjata PKM di Tanah Melayu. Kegiatan komunis ini mengancam ketenteraman awam dan kestabilan negara. Komunis melakukan kegiatan serangan, pembunuhan, sabotaj dan pemusnahan di merata-rata tempat di negeri-negeri Melayu. Kekacauan yang ditimbulkan oleh PKM itu menyebabkan Tanah Melayu memasuki zaman darurat di bawah Undang-undang Darurat pada 18 Jun 1948.

Dari situ juga pihak kerajaan melancarkan pelbagai strategi untuk membanteras ancaman komunis demi kelangsungan dan kestabilan pentadbirannya di Tanah Melayu. Untuk itu, kerajaan menjalankan langkah berbentuk undang-undang, langkah memberi perlindungan kepada penduduk dan menjauhkan mereka daripada ancaman komunis. Kerajaan juga melaksanakan langkah menyekat bekalan makanan daripada diperoleh oleh komunis dengan mudah, dan langkah berbentuk perang saraf bagi memenangi kerjasama penduduk kepada kerajaan. Kerajaan turut memberi peluang kepada komunis untuk menghentikan perjuangan dan kembali kepada masyarakat, mengukuhkan langkah ketenteraan dan menstabilkan politik negara. Bagaimanapun, disebalik persaingan PKM dengan pihak kerajaan dalam menguasai pentadbiran dan penduduk, kejayaan berada pada pihak kerajaan. Dengan itu, zaman darurat di Tanah Melayu diisyiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Sepanjang tempoh darurat ini (1948-1960) berlakunya persaingan antara PKM dengan kerajaan untuk menegakkan kuasa dan melebarkan pengaruh masing-masing dalam kalangan penduduk. Persaingan ini wujud ekoran daripada PKM yang ingin menguasai Tanah Melayu dan menubuhkan republik komunis, manakala kerajaan pula bertindak menghalang rancangan PKM itu kerana boleh menjelaskan pentadbirannya di Tanah Melayu. Justeru, tulisan ini bertujuan untuk mengupas persaingan kuasa yang wujud di antara pihak kerajaan dengan komunis pada zaman darurat di Tanah Melayu.

Sejarah Awal Kegiatan Komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM)

Walaupun PKM hanya ditubuhkan di Tanah Melayu pada April 1930, namun gerakan komunis telah bermula lebih awal lagi, iaitu pada sekitar tahun 1920-an. Ini memandangkan bukti gerakan komunis telah dapat dikesan di Tanah Melayu sejak awal tahun 1920-an lagi. Pada ketika itu, pihak komunis menggunakan sekolah, kesatuan sekerja, cawangan Kuomintang (KMT), penerbitan, dan pertubuhan dalam usahanya menyebarkan pengaruh dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Pada Mac 1928 Parti Komunis Nanyang (PKN/Nan-Yang *Kung-Ch'an-Tang/South Seas Communist Party*) ditubuhkan yang diletakkan di bawah arahan Biro Timur Jauh *Comintern (Communist International)* di Shanghai. PKN ditubuhkan sebagai alat *Comintern* untuk menyelaras, menggerak dan mengawasi pergerakan komunis di Tanah Melayu, Thailand, Burma, Annam, Indochina dan Indonesia dengan Singapura sebagai pangkalan atau pusatnya. Namun begitu, PKN tidak berjaya mencapai matlamat seperti yang diharapkan dalam mengkoordinasikan pergerakan komunis di negara-negara tersebut. Seterusnya gerakan komunis menjadi lebih rancak apabila Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan pada April 1930. Matlamat utama perjuangan PKM ialah untuk menguasai Tanah Melayu dengan menjadikannya sebagai sebuah republik komunis yang dikenali Republik Rakyat Malaya.¹

Di bawah PKM, komunis bergerak dalam dua aktiviti penting pada tahun 1930-an. Pertama, PKM berjaya mempergunakan keadaan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an untuk mempengaruhi golongan buruh agar mengadakan mogok kerja. Tindakan komunis ini bertujuan untuk menimbulkan ketidakstabilan ekonomi yang boleh menjelaskan kekuatan ekonomi dan pentadbiran British di Tanah Melayu. Dalam hal ini, PKM berjaya mempengaruhi pekerja dari hampir semua sektor pekerjaan, termasuklah tukang jahit, orang gaji, pekedai, pemandu lori, pekerja kuari, pekerja binaan, pekerja kilang nenas, pekerja kilang kasut, pekerja kilang getah dan sesetengah pekerja di estet getah.² Didapati bahawa PKMlah yang berada di setiap kekacauan yang berlaku dalam pelbagai sektor ekonomi tersebut dengan niat untuk menimbulkan kekacauan dalam ekonomi negara melalui penguasaan ke atas pekerja. Ketidakstabilan ekonomi yang wujud itu boleh menjelaskan kekuatan ekonomi British dan seterusnya PKM dilihat mampu merampas pentadbiran negara ini daripada British jika hal tersebut tidak ditangani dengan baik.

Aktiviti kedua PKM pada tahun 1930-an ialah menggunakan Perang China-Jepun yang meletus pada tahun 1937 di negara China untuk menaikkan semangat kebangsaan orang Cina di seberang laut. PKM mengambil kesempatan ini untuk menganjurkan gerakan anti-Jepun sambil memperluaskan pengaruhnya dalam kalangan penduduk Cina di Tanah Melayu. Antara kegiatan anti-Jepun yang dipercayai dipengaruhi oleh komunis ialah satu peristiwa yang berlaku di Melaka pada 29 November 1937 apabila seorang perempuan dicurahkan dengan tar ketika beliau meninggalkan sebuah kedai India. Ini kerana beliau dituduh membeli barang-barang buatan Jepun daripada kedai berkenaan. Pada 4 Disember 1937, sebuah bom dilemparkan ke dalam auditorium panggung wayang di *Fun and Frolic Amusement Park*, Pulau Pinang, kerana rombongan pelakon yang membuat persembahan itu didapati adalah mereka yang pro-Jepun. Bom itu terkena kepala seorang penonton Cina hingga menyebabkan kematiannya.³ Di Alor Setar, Kedah, pada 20 Julai 1938, lima beg kacang soya tiba dari Pulau Pinang ditolak oleh pekedai kerana kacang soya berkenaan dipercayai adalah barang yang diimport dari Jepun.⁴

Persaingan antara komunis dengan kerajaan berubah apabila Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu. Pada zaman Perang Dunia Kedua (1941-1945), komunis mencapai kerjasama dengan British untuk menentang Jepun di Tanah Melayu. Demi matlamat yang sama iaitu menentang penguasaan Jepun di Tanah Melayu telah membawa kepada pencapaian kerjasama sementara antara komunis dengan kerajaan British. Hasil kerjasama itu membolehkan PKM menubuhkan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) atau lebih dikenali sebagai Bintang Tiga bagi menentang Jepun.⁵ PKM lebih beruntung pada zaman pendudukan Jepun kerana bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan daripada pihak British, malahan pengalaman dan kemahiran itu kemudian digunakannya dalam gerakan bersenjata pada tahun 1948. Di samping itu, PKM menjadi lebih popular kerana penglibatannya dalam menentang tentera Jepun melalui MPAJA. Bagi orang Cina, penubuhan MPAJA telah menyediakan perlindungan kepada mereka daripada kekejaman Jepun. Dengan itu, orang Cina memberi bantuan makanan, wang, maklumat dan rekrut kepada MPAJA. Menerusnya juga, PKM berjaya memperluaskan pengaruhnya dalam kalangan penduduk. Penduduk yang bencikan keganasan, kekejaman dan penderitaan semasa pendudukan Jepun mudah dipengaruhi untuk menyokong perjuangan MPAJA yang bertindak sebagai antara penggerak utama menentang Jepun pada ketika itu. Bagaimanapun, kerjasama antara komunis dengan kerajaan hanya buat sementara sahaja dan mereka kembali bersaing semula selepas zaman pendudukan Jepun.

Selepas Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945, PKM dan MPAJA keluar dari hutan dan melakukan kekejaman di sana sini, dengan alasan untuk menghukum orang yang melakukan kesalahan jenayah kepada penduduk dan yang bersubahat dengan Jepun. Mereka mengadakan perbicaraan sendiri, melakukan kezaliman dan membunuh ramai penduduk. Dilaporkan MPAJA membunuh seramai 2,542 orang Cina, Melayu, India dan lain-lain yang dianggap sebagai tali barut Jepun.⁶ Kezaliman tersebut mencapai kemuncak dan membawa kepada pergaduhan apabila orang Melayu membala serangan MPAJA dengan menyerang orang Cina yang sebangsa dengan komunis. Antaranya, di Sungai Manik, Perak, orang Melayu mengamuk terhadap orang Cina kerana MPAJA masuk ke kampung dan menangkap ayam, mengambil sayur-sayuran dengan membawa senapang patah.⁷ Di beberapa tempat seperti Kuala Lipis dan Bentong (Pahang), Banting (Selangor) serta Kota Bharu (Kelantan), komunis melakukan keganasan ke atas penduduk tempatan, merompak mereka dan merampas rumah mereka. Di Ulu Jempul, Negeri Sembilan, komunis bersenjata telah memasuki kampung untuk menubuhkan pertubuhan, mengutip yuran keahlian dan derma, memberi ceramah serta menyebarkan propaganda anti British. Malahan, mereka telah menduduki Gua Musang dan Kota Bharu di Kelantan dan beberapa bandar serta kampung lain dengan mengisyitiharkan diri mereka sebagai “tuan”. Mereka juga mengganas terhadap penduduk tempatan, merampas barang dan harta penduduk secara kekerasan. Komunis turut mendirikan sekatan jalan, menghentikan kereta api dan bas, memeriksa setiap kenderaan dan penumpang serta pejalan kaki, memasuki kampung Melayu dan Cina untuk mencari polis, detektif, penyampai maklumat dan mereka yang bersubahat dengan Jepun.⁸ Strategi keganasan yang dilakukan oleh komunis itu seolah-olah untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa mereka bertindak untuk membela nasib golongan yang dikejami oleh Jepun. Melalui itu juga gerakan PKM boleh memperoleh simpati dan sokongan daripada penduduk.

Apabila British Administration Army (BMA) mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu, MPAJA dibubarkan pada 1 Disember 1945 sebagai langkah untuk memulihkan keamanan dan ketenteraman. Walau bagaimanapun, PKM dibenarkan bergerak bebas di

Tanah Melayu kerana kerjasamanya dengan British ketika Perang. Apabila diketahui British akan kembali mentadbir semula di Tanah Melayu, PKM menggunakan propaganda antipenjajahan untuk mencapai kesepakatan dengan gerakan kiri bagi menghalang penguasaan British. Dalam keadaan ini, PKM mempengaruhi beberapa pertubuhan kiri dengan perjuangan menentang penjajah British. Pertubuhan yang dipengaruhinya termasuklah *New Democratic Youth League* (NDYL), *General Labour Union* (GLU), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), *Malayan Democratic Union* (MDU), Hisbul Muslimin dan Saberkas (Kedah). PKM kemudian turut menjadi tenaga penggerak utama dalam gabungan golongan kiri Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)-*All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA), dengan harapan gabungan ini dapat bekerjasama dan berganding bahu untuk menentang British dan seterusnya ke arah mencapai matlamat PKM. Untuk itu, mereka berusaha menggagalkan rancangan politik yang diwujudkan oleh pihak British, iaitu *Malayan Union* pada April 1946. Namun demikian, dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, PKM menyedari bahawa strategi perjuangannya tidak berjaya untuk menghalang British kembali berkuasa di Tanah Melayu. Dalam persaingan kuasa itu, British berjaya memperoleh kuasa pentadbiran di Persekutuan Tanah Melayu.

Pada masa yang sama, pihak komunis cuba mempergunakan golongan buruh dalam gerakan mereka di Tanah Melayu. PKM dapat mempengaruhi *Pan-Malayan Federation of Trade Union* (PMFTU). Kejayaan PKM meletakkan PMFTU di bawah pengaruhnya dapat memudahkan komunis menghasut dan mengagitasi golongan buruh. Hampir keseluruhan pegawai PMFTU terdiri daripada anggota komunis yang langsung tidak mempunyai pengalaman bekerja di lombong, estet dan kilang. Mereka diletakkan di situ untuk membantu PKM memperoleh kawalan dalam kesatuan sekerja di peringkat negeri dan pusat. Hal ini selaras dengan isi kandungan sebuah dokumen komunis yang dirampas oleh pihak berkuasa yang berbunyi “*Our work in the enemy Trade Unions may continue as it is now but we must dominate their State organisations. We must train and season important members among the workers and Trade Unions. They should be seasoned to the extent of seizing the leadership of the Malaya-wide Trade Union.*”⁹ Pihak Pejabat Tanah Jajahan melaporkan di Tanah Melayu pada tahun 1947, berlaku 360 kejadian mogok dan pertelingkahan buruh yang melibatkan sejumlah 69,217 orang buruh.¹⁰ Sementara itu, daripada laporan kerajaan, didapati sehingga Jun 1948, lebih kurang 117 daripada 289 kesatuan sekerja yang didaftarkan adalah dikawal oleh PMFTU yang dipengaruhi oleh komunis. Manakala, bakinya iaitu 86 buah adalah bebas daripada pengaruh PMFTU dan 86 buah lagi diragui kedudukannya.¹¹

Berdepan dengan keadaan huru-hara dan kekacauan dalam kalangan buruh serta peningkatan bukti bahawa pihak komunis menggunakan kesatuan sekerja untuk tujuan politik, pihak pemerintah bertindak menguatkuaskan undang-undang yang berkaitan. Antaranya, pada 15 April 1947 kerajaan memperkenalkan undang-undang pendaftaran pertubuhan bagi mengawal dan mengawasi aktiviti pertubuhan serta kesatuan sekerja. Seterusnya pada 31 Mei 1948, kerajaan meluluskan *Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948*. Ordinan ini bertujuan menghadkan pergabungan kesatuan sekerja harus berdasarkan sektor ekonomi yang sama serta memastikan pemimpin dalam kesatuan sekerja tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah. Ordinan ini juga untuk menjamin pemimpin kesatuan sekerja adalah terdiri daripada mereka yang sama ada pekerja bergaji di industri berkaitan atau sekurang-kurangnya orang yang mempunyai tiga tahun pengalaman dalam industri berkenaan.¹² Tindakan kerajaan dalam mengawal kesatuan sekerja dapat menyekat dan melemahkan gerakan komunis dalam kesatuan sekerja. Dengan itu, sekali lagi kerajaan British dapat mengatasi persaingan dengan komunis dalam menguasai golongan buruh yang merupakan tunggak ekonomi negara.

Kegagalan demi kegagalan yang dihadapi oleh PKM untuk menggunakan pertubuhan kiri dan kesatuan sekerja telah mengakibatkan PKM mula mengatur langkah perjuangan yang lebih keras dan ganas. Berikutnya, Jawatankuasa Kerja Pusat (Politbiro) PKM dalam perjumpaan pada Mac 1948 mengambil keputusan melancarkan gerakan bersenjata. Satu lagi mesyuarat diadakan oleh Politbiro PKM di dalam hutan di kawasan Pahang Barat pada awal Jun 1948. Mesyuarat tersebut memutuskan bahawa gerakan bersenjata perlu dilancarkan dalam usaha PKM untuk membentuk republik komunis di Tanah Melayu.¹³ Selaras itu juga PKM menggariskan tiga strategi perjuangannya ke arah mencapai matlamat membentuk republik komunis. Strategi ini kemudian telah mendasari gerakan komunis pada zaman darurat, iaitu:

- a. Menyerang kawasan sumber ekonomi penting Tanah Melayu (lombong bijih timah dan estet getah); menyerang pondok-pondok polis dan kampung-kampung terpencil. Kawasan yang ditinggalkan itu boleh dijadikan kawasan pemerintahan PKM.
- b. Mengukuh dan menambah bilangan askar dengan melatih kadet-kadet baru dengan bantuan Min Yuen.
- c. Menyerang kawasan-kawasan yang lebih strategik seperti pekan-pekan, memusnahkan perhubungan dan pengangkutan serta sabotaj ke atas kepentingan-kepentingan ekonomi British.¹⁴

Berikutnya, komunis bertindak dengan lebih agresif bagi merealisasikan matlamat politik mereka di Tanah Melayu. Komunis melancarkan gerakan bersenjata untuk menentang penjajah British dan seterusnya menguasai pentadbiran serta penduduk di Tanah Melayu.

Ancaman Komunis

Pada 16 Jun 1948, tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak menjadi mangsa pembunuhan komunis. Mereka adalah Arthur Walker, pengurus Ladang Elphil; John Allison dan pembantunya, Ian Christian dari Estet Phin Soon di Sungai Siput, Perak.¹⁵ Berikutnya, Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu mengisyiharkan Undang-undang Darurat pada 18 Jun 1948. Walaupun Undang-undang Darurat dikuatkuasakan, gerakan komunis masih berterusan di Tanah Melayu. Ancaman komunis terpaksa dihadapi oleh semua pihak baik pihak pentadbiran, orang awam, pasukan keselamatan maupun pelombong dan peladang Eropah yang ada di Tanah Melayu.

Komunis melakukan pelbagai kegiatan kekerasan dan keganasan dalam persaingannya dengan pihak kerajaan British untuk menguasai negara ini. Kegiatan komunis itu mengancam keselamatan dan kestabilan masyarakat dan negara, serta mendatangkan gangguan dan kesulitan kepada penduduk dan pihak pentadbiran. Namun, di pihak komunis, tindakan mereka itu dapat membantu memperkuatkan pengaruhnya dalam kalangan penduduk dan mempersepatkan pencapaian matlamat mereka. Antara kegiatan kekerasan dan keganasan dilakukan oleh komunis termasuklah serangan ke atas orang awam, membakar kampung, menyerang estet getah dan lombong timah, melancarkan serangan ke atas pasukan keselamatan, membunuh pelombong dan peladang Eropah, mengganggu sistem pengangkutan serta mensabotaj kemudahan asas. Justeru itu, terdapat laporan tentang kejadian komunis yang kerap berlaku di merata tempat di Tanah Melayu. Tindakan komunis menyebabkan banyak nyawa manusia yang terkorban, lebih-lebih lagi orang awam yang tidak berdosa. Dilaporkan juga terdapat harta benda yang tidak bernilai telah musnah disebabkan perbuatan komunis.

Justeru, kegiatan komunis mengancam ketenteraman awam, kestabilan pentadbiran dan keselamatan negara.

Sepanjang zaman darurat, sejumlah 2,473 orang awam dibunuhi oleh komunis dan 1,385 orang dicederakan. Di pihak pasukan keselamatan pula, sejumlah 1,865 nyawa terkorban dan 2,560 orang dicederakan.¹⁶ Sementara itu, sejumlah 99 orang peladang Eropah dan kakitangannya menjadi mangsa keganasan komunis di Tanah Melayu pada zaman darurat.¹⁷ Selain itu, sejak zaman darurat bermula sehingga Jun 1949 (tempoh setahun), terdapat 18 serangan komunis ke atas estet yang menyebabkan 25 pekerja dan kontraktor terbunuhi dan enam orang penoreh diculik oleh komunis. Manakala, dalam tempoh yang sama, bangunan yang dirosakkan oleh komunis termasuklah 15 buah rumah kongsi, tiga buah rumah kontraktor, sembilan buah rumah asap, sebuah kilang estet, tiga buah bangsal dan setor, dua buah sekolah, dan dua kedai di estet.¹⁸ Sementara itu, pada tahun 1950 sahaja, bangunan yang dirosakkan oleh komunis di estet termasuk rumah asap, pejabat, kilang getah, tempat tinggal pekerja bernilai hampir \$5½ juta, dan lebih kurang 300,000 batang pokok getah ditakik oleh komunis. Dalam pada itu, di antara 1948 hingga 1956 (sembilan tahun), 80 buah lombong diserang oleh komunis di enam buah negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Pahang, Johor, Terengganu dan Negeri Sembilan. Dalam tempoh tersebut, 97 kali lombong diserang oleh komunis dan 53 orang menjadi mangsa pembunuhan dengan 56 orang dicederakan.¹⁹ Tindakan komunis itu telah mengganggu punca pencarian rezeki penduduk Tanah Melayu dan turut melemahkan kekuatan ekonomi negara.

Antara contoh kekejaman komunis kepada orang awam berlaku pada 14 September 1948, 12 orang Melayu yang sedang membersihkan rumput di Estet Chan Kang Swee, Segamat, Johor, ditembak oleh empat orang komunis, menyebabkan seorang Melayu mati dan dua cedera. Manakala, pada 29 September 1948, seorang gembala lembu berbangsa India diculik dan kemudian dijumpai mati ditembak oleh komunis di kawasan Tapah, Perak. Dalam perkembangan lain, pada Julai 1949, di Cameron Highlands, Pahang, komunis menyerang Orang Asli yang sedang bekerja di kebun getah dan mengakibatkan 11 Orang Asli terbunuhi.²⁰ Pada 8 Jun 1950, 23 orang cedera apabila komunis melemparkan bom tangan ke dalam sebuah kedai runcit di Nibong Tebal, Seberang Prai.²¹ Sementara itu, pada November 1952, enam orang komunis menyerbu sebuah kampung Melayu di Negeri Sembilan. Mereka merompak sepucuk senapang patah dari seorang pekedai Melayu dan membunuhi seorang ketua *Home Guard* Melayu. Dalam kejadian lain, pada 25 Ogos 1954, dua orang ketua pekerja estet berbangsa India diikat pada pokok dan perut dibelah oleh komunis di Estet Dovenby, Sungai Siput, Perak. Pada 9 Mac 1955, 12 orang komunis milarikan tujuh Orang Asli dan kemudian empat daripadanya dibunuhi. Kejadian itu berlaku ketika Orang Asli berkenaan sedang menangkap ikan di Sungai Landor di kawasan Chenderiang, Ipoh, Perak.²²

Penderitaan penduduk bertambah apabila tindakan komunis menyebabkan mereka kehilangan tempat tinggal. Antaranya, pada pagi 26 Julai 1948, setengah daripada Kampung Pantai Remis di Sitiawan, Perak musnah dibakar oleh komunis dan mengakibatkan kira-kira 500 orang penghuni kehilangan tempat tinggal.²³ Manakala, pada 4 Februari 1950, sekumpulan 70 orang komunis membakar Kampung Simpang Tiga di Perak, menyebabkan hampir 1,000 orang penduduk kehilangan tempat tinggal. Kerosakan dianggarkan lebih daripada ¼ juta ringgit dan mengorbankan dua nyawa penduduk.²⁴ Dalam kejadian lain, pada 22 November 1950, seorang Cina terbunuhi akibat tindakan komunis membakar 30 buah rumah setinggan berdekatan Kampung Bukit Selambu, Sungai Petani, Kedah. Peristiwa itu menyebabkan sejumlah 200 orang penduduk kehilangan tempat tinggal. Sementara itu, pada

2 Mac 1951, komunis membakar sebuah kedai menjual getah di sebuah kampung di Kulim, Kedah. Api merebak dan memusnahkan setengah daripada kampung berkenaan termasuklah sebuah sekolah dan 31 buah rumah kedai.²⁵

Kehidupan dan pergerakan penduduk di Tanah Melayu juga terjejas akibat tindakan sabotaj komunis ke atas kemudahan asas. Landasan kereta api kerap kali dirosakkan dan kereta api diserang, ditembak dan dibomkan oleh komunis. Keadaan ini mengancam nyawa penumpang kereta api serta menjelaskan perkhidmatan sistem perhubungan. Sepanjang zaman darurat pada tahun 1948 sehingga 1960, komunis melakukan sebanyak 387 kali sabotaj ke atas perkhidmatan kereta api. Dalam tempoh tersebut, berlaku sebanyak 197 kejadian komunis menggelincirkan kereta api, 172 kali kereta api ditembak, dan 19 buah stesen kereta api dirosakkan oleh komunis. Kejadian tersebut mengakibatkan 45 orang penumpang terbunuh dan 176 orang cedera. Sementara itu, 18 orang kakitangan perkhidmatan kereta api terbunuh dan 42 orang cedera dalam serangan tersebut.²⁶ Selain itu, bas dan lori yang bergerak melalui kawasan terpencil atau kawasan yang jauh dari bandar juga menjadi sasaran komunis pada zaman darurat. Dalam kejadian ini, komunis menunggu di tepi jalan dan bas atau lori yang melalui kawasan itu dihentikan oleh komunis lalu dirompak wang, barang, dan kad pengenalan penumpang serta pemandu. Seterusnya, komunis mengarahkan semua penumpang dan pemandu turun dari kenderaan mereka. Kejadian itu biasanya berakhir dengan bas atau lori itu dibakar oleh komunis. Tindakan sabotaj komunis ini mendatangkan kesusahan dan gangguan kepada pergerakan serta aktiviti harian penduduk. Malahan, kejadian itu turut mengancam keselamatan pengguna jalan raya dan mendatangkan kerugian kepada penumpang, pemandu dan syarikat pemilik bas serta lori. Antaranya, pada 18 Ogos 1948, 15 orang komunis menahan sebuah bas di Kampung Luas, Kroh, Perak. Mereka membunuh seorang penumpang dan menculik seorang penumpang wanita.²⁷ Dalam kejadian lain, sekumpulan komunis menahan dan merompak sebuah lori yang membawa barang makanan di Batu 68, Jalan Jerantut-Kuantan, Kuantan, Pahang, pada 15 Januari 1950. Dalam kejadian itu, barang makanan yang dirompak oleh komunis itu dianggarkan bernilai \$1,108. Selain itu, pada 9 Ogos 1951, tujuh orang komunis menahan sebuah teksi dan merompak penumpang teksi berkenaan di Mersing, Johor. Sebuah lori Jabatan Kerja Raya yang tiba di tempat kejadian tersebut, turut ditembak dan menyebabkan dua orang penumpang cedera. Teksi dan lori berkenaan kemudian dibakar oleh komunis. Sementara itu, pada 26 Disember 1953, sebuah bas ditahan di Ipoh, Perak. Konduktor bas dirompak wang \$30. Di Yong Peng, Johor pula, pada 10 Jun 1954, sekumpulan 14 orang komunis menahan sebuah bas yang sedang dalam perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur serta tiga buah kereta dan sebuah lori. Penumpang kenderaan tersebut dirompak dan lori dibakar oleh komunis.²⁸

Kemudahan air paip terganggu kerana paip air sering disabotaj oleh komunis pada zaman Darurat. Contohnya, di Kajang, Selangor, paip air sepanjang dua batu dirosakkan oleh komunis pada 23 Ogos 1949. Penduduk terpaksa menggunakan air hujan dan air perigi. Pihak kerajaan terpaksa mengadakan satu skim kecemasan, iaitu mengepam air dari Sungai Jeloh di luar bandar Kajang untuk kegunaan penduduknya.²⁹ Begitu juga, di Perak, sebuah empangan air berdekatan Chemor dimusnahkan oleh komunis pada awal Oktober 1949.³⁰ Pada 11 Februari 1950, saluran paip air di Batu 2, Jalan Kota Tinggi-Rompin, Johor dirosakkan oleh komunis dan mengganggu penghantaran air dari tempat takungan ke Kota Tinggi. Dalam perkembangan lain, pada 6 Jun 1951, komunis meletupkan paip utama di Taiping, Perak.³¹ Pada Januari 1952, di kawasan Ipoh, Perak, sebahagian saluran paip utama dialihkan oleh komunis dan mengakibatkan bekalan air terputus.³² Bekalan air di Tanjung Malim, Perak, sering dipotong oleh komunis. Sebanyak enam kejadian paip air dipotong oleh komunis

berlaku di Tanjung Malim pada awal tahun 1952. Penduduk terpaksa menggunakan air sungai, air perigi dan air hujan yang tertakung sebelum paip air dipulihkan.³³ Tindakan komunis merosakkan keperluan asas orang ramai itu telah mendatangkan kesusahan kepada penduduk kerana aktiviti harian mereka terganggu.

Begitu juga, pasukan kerja awam yang ditugaskan untuk memperbaiki dan membina jalan raya, memasang dan memperbaiki paip air, menjalankan penyelidikan di tapak skim hidroelektrik, mengendalikan pembinaan sistem pengairan dan perparitan, juga sering berdepan dengan serangan komunis. Keadaan itu sedikit sebanyak telah menjelaskan perkembangan projek kemudahan asas yang dirancang oleh pihak berkuasa untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di Tanah Melayu. Contohnya, pada 16 November 1948, tiga orang pekerja dari Jabatan Kerja Raya yang bertugas di kawasan tадahan Sungai Dal, Kuala Kangsar, Perak, diserang oleh empat orang komunis. Kejadian itu mengakibatkan seorang pekerja terbunuh.³⁴ Dalam perkembangan lain, pada tahun 1950, penyelidikan Skim Hidroelektrik Cameron Highlands, Pahang, terpaksa dibatalkan akibat pembunuhan juruteranya, B. de B. Gate dalam serangan hendap komunis pada 2 Mac 1950.³⁵ Darurat juga menyebabkan sesetengah projek pengairan terpaksa ditangguhkan atau dibatalkan. Di antara tahun 1950 hingga 1952, dua daripada tujuh projek pengairan yang dirancang di Johor dan satu daripada tiga skim pengairan di Kelantan ditangguhkan kerana masalah komunis. Di Melaka pula, dua projek pengairan yang dirancang oleh pihak berkuasa telah siap dalam tempoh 1950-1952, manakala satu lagi terbantut kerana aktiviti komunis di kawasan itu.³⁶ Di sini jelas bahawa tindakan komunis adalah bertentangan dengan kerajaan dalam usaha membaiki dan menyediakan kemudahan asas penduduk bagi meningkatkan keadaan hidup mereka.

Daripada perbincangan dan contoh kejadian kejahatan, keganasan dan sabotaj yang dilakukan oleh komunis tersebut, jelas bahawa penduduk dan semua pihak berdepan dengan ancaman komunis pada zaman darurat. Tindakan komunis itu mendatangkan kematian, kecederaan, kerugian wang dan harta serta mengganggu pekerjaan, pergerakan dan kehidupan penduduk, pekerja, peladang, pelombong, anggota keselamatan dan pihak kerajaan. Namun demikian, kerajaan tidaklah membiarkan keadaan tersebut terus berlanjutan di negara ini. Untuk itu, pelbagai langkah diatur dan dijalankan bagi melemahkan gerakan komunis dan seterusnya menghapuskan mereka. Langkah kerajaan itu juga bertujuan untuk memenangi sokongan dan keyakinan penduduk supaya mereka bekerjasama dengan kerajaan dalam menangani ancaman komunis. Tindakan yang dilakukan oleh kedua-dua pihak, komunis dan kerajaan, jelas menampakkan persaingan kuasa antara mereka untuk mencapai matlamat mereka. PKM dan komunis berusaha untuk menguasai negara ini secara kekerasan dan keganasan, manakala kerajaan pula berikhtiar untuk menghalang PKM daripada mencapai tujuan politiknya di Tanah Melayu demi untuk mempertahankan pentadbirannya.

Usaha Kerajaan Menghapuskan Gerakan Komunis

Memandangkan komunis mendatangkan bahaya ancaman kepada penduduk dan juga membahayakan kestabilan pentadbiran British, maka kerajaan berusaha bersungguh-sungguh bagi membanteras ancaman komunis supaya keamanan negara dapat dipulihkan dan pentadbiran British diteruskan. Untuk tujuan itu, kerajaan telah menjalankan langkah mengawal gerakan komunis daripada berleluasa, memutuskan hubungan komunis dengan penduduk dan memenangi sokongan penduduk. Perang saraf yang dijalankan oleh kerajaan

melalui penyebaran risalah antikomunis, kempen antikomunis, tawaran hadiah wang tunai kepada pemberi maklumat tentang komunis, dan pengisytiharan Kawasan Putih juga dijalankan untuk memenangi kerjasama penduduk serta melemahkan semangat juang komunis. Kerajaan juga meningkatkan kekuatan pertahanan dan menjalankan operasi ketenteraan untuk menjejaki, memburu dan menghapuskan komunis. Langkah-langkah ini adalah penting dalam usaha melemahkan gerakan komunis dan seterusnya menghapuskan komunis di Tanah Melayu.

Untuk memudahkan pihak keselamatan mengawal gerakan komunis dan penduduk, pada 23 Julai 1948, kerajaan memperkenalkan pendaftaran penduduk dan pemberian kad pengenalan kepada penduduk di bawah *The Emergency (Registration of Residents) Regulations, 1948*. Di bawah langkah ini, setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke atas dikehendaki memiliki kad pengenalan dengan cop ibu jari dan foto masing-masing, disamping nama pemilik, bangsa, bahasa/dialek, tempat lahir, pekerjaan serta tempat tinggal. Mereka dikehendaki membawa kad pengenalan bersama-sama ke mana sahaja mereka pergi untuk diperiksa oleh anggota keselamatan.³⁷ Langkah itu dapat menyekat gerakan komunis kerana mereka tidak memiliki kad pengenalan dan tidak dapat bergerak dengan bebas di negeri-negeri Melayu. Dengan itu, komunis bertindak merampas dan memusnahkan kad pengenalan dan menyebarkan propaganda antipendaftaran. Mereka juga membunuh dan mengugut penduduk serta juru gambar yang terlibat dalam kerja pendaftaran, merampas gambar yang disediakan untuk tujuan pendaftaran dan menyerang pasukan kerajaan yang ditugaskan untuk menjalankan kerja pendaftaran penduduk di kampung atau kawasan terpencil. Komunis juga menahan bas, merampas kad pengenalan penumpang dan kemudian bas dibakar. Mereka juga masuk ke kampung dan kawasan petempatan untuk merampas kad pengenalan dan membakarnya atau menukar miliknya. Komunis turut bertindak merampas dan memusnahkan kad pengenalan yang dibekalkan kepada penduduk oleh pihak berkuasa. Sejumlah kira-kira 280 keping kad pengenalan dirampas oleh komunis di negeri Pahang, Perak, Johor dan Selangor pada bulan April 1949.³⁸ Sepanjang tahun 1950, sejumlah 114,444 keping kad pengenalan dirampas oleh komunis daripada penduduk di Persekutuan Tanah Melayu.³⁹

Pada masa yang sama, komunis juga bertindak menyekat penduduk berdaftar dengan pihak berkuasa. Antaranya, komunis memberitahu penduduk tempatan bahawa pihak kerajaan cuba menyekat kebebasan mereka melalui langkah pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan. Keadaan ini pernah ditegaskan oleh Lam Swee, seorang ketua kumpulan komunis yang bergerak di negeri Johor, dalam siklostil bertajuk “*Letter to Workers*”. Antaranya, beliau menyatakan bahawa tindakan kerajaan tersebut adalah untuk melucutkan kebebasan para pekerja dan melanggar hak pekerja dengan memaksa mereka mendaftarkan diri.⁴⁰ Selain itu, propaganda anti pendaftaran dengan slogan yang ditulis dengan tangan pada kertas dalam tulisan Cina, Jawi dan Tamil digantung pada pokok dan tempat awam. Contoh slogan dengan nada ugutan daripada komunis yang berbunyi seperti “*Running-dogs who register will be killed*”, “*Persons registering are accomplices of British Imperialists*”, “*Photographers will be killed. Authenticators will suffer*”, “*Use Your Identity Cards As Joss Paper*” dan sebagainya.⁴¹

Bersama-sama dengan propaganda tersebut, pihak komunis turut mempergiatkan kempen menakut-nakutkan mereka yang mengambil bahagian dalam tugas pendaftaran di kampung atau pusat pendaftaran dan orang yang bekerjasama dengan kerajaan bagi menjayakan pendaftaran kebangsaan. Kumpulan pendaftaran kerajaan yang melawat kampung terpencil sering diserang oleh komunis. Mereka turut membunuh juru gambar yang terlibat dalam kerja pendaftaran di Persekutuan Tanah Melayu sebagai tanda bantahan mereka kepada langkah kerajaan tersebut. Antara kejadian berlaku pada 12 Oktober 1948, melibatkan seorang juru gambar berbangsa Cina dari Seremban, Negeri Sembilan yang ditugaskan untuk mengambil gambar bagi pendaftaran di Batu 5, Jalan Kuala Pilah dengan diiringi oleh anak ketua kampung yang membantu beliau dalam kerja tersebut. Semasa mereka sedang menunggu bas, lima orang komunis menghampiri dan menculik juru gambar dan anak ketua kampung itu. Pada hujung Oktober 1948, seorang tukang gambar, Gah Kit diculik oleh komunis ketika beliau sedang mengambil gambar daripada penduduk untuk tujuan pendaftaran di Broga, Selangor. Begitu juga, pada 31 Oktober 1948, 500 keping gambar telah dirampas oleh komunis dari sebuah kedai gambar di Ipoh, Perak.⁴²

Seterusnya, pada Disember 1949, Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat diperkenalkan oleh kerajaan bertujuan supaya pasukan keselamatan dan penduduk berganding bahu menentang komunis. Penduduk diminta mendaftarkan diri sebagai sukarelawan Kempen Bulan dengan pihak berkuasa. Mereka digerakkan untuk membantu pasukan keselamatan menjalankan rondaan di kampung, mengadakan pemeriksaan dan sekatan jalan raya, serta memastikan penduduk mematuhi peraturan darurat. Sukarelawan juga ditugaskan untuk membantu kakitangan awam kerajaan dalam memproses kad pengenalan, menyebarkan risalah dan poster antikomunis, melakukan benci di kawasan setinggan, dan mengambil bahagian dalam membersihkan belukar di tepi jalan yang sering menjadi tempat persembunyian komunis. Mereka juga ditugaskan membantu polis dalam memastikan arahan perintah berkurung dipatuhi oleh semua penduduk dan menyekat penduduk membawa makanan pada waktu malam.⁴³ Sehubungan itu, publisiti yang luas dilakukan oleh kerajaan melalui radio, akhbar dan 170,000 keping poster, 4,100,000 keping risalah, serta 40,000 buah buku kecil telah diterbitkan oleh Jabatan Perhubungan Raya untuk menerangkan kepada rakyat tentang tugas-tugas sukarelawan tersebut. Sehingga 15 Mac 1950, jumlah sukarelawan Kempen Bulan menjangkau angka 435,905 orang.⁴⁴ Hal ini menunjukkan kerajaan berjaya dalam menarik sokongan dan memperoleh keyakinan penduduk bagi membantu kerajaan dalam menangani ancaman komunis.

Dalam usaha kerajaan memutuskan komunis berhubung dengan penduduk, rancangan penempatan semula telah diperkenalkan. Rancangan itu bertujuan untuk memutuskan hubungan di antara komunis dengan penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran dengan hutan atau luar bandar. Di bawah rancangan ini, penduduk di kawasan yang senang dihubungi komunis dan terdedah kepada komunis telah dipindahkan dan ditempatkan di kawasan baharu, iaitu kampung baru. Rancangan ini bermula ketika Sir Henry Gurney dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu pada Oktober 1948, beliau sedar bahawa masalah setinggan adalah halangan utama yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha menentang pengganasan komunis. Justeru itu, beliau mula merancang untuk memindahkan dan menempatkan semula setinggan Cina yang tinggal berselerak di kawasan pinggir hutan. Mereka membekalkan komunis dengan makanan, maklumat, rekrut dan tempat persembunyian. Di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, dianggarkan terdapat sejumlah lebih 400,000 orang setinggan.⁴⁵ Berikutnya, usaha untuk memindahkan dan menempatkan semula setinggan bermula dan sehingga 10 Mac 1950, lebih kurang 4,600 buah

keluarga yang mengandungi 18,500 orang lelaki, wanita dan kanak-kanak dipindahkan dan ditempatkan semula. Antara tahun 1948 dan 1950, sejumlah 21 kawasan penempatan baharu diwujudkan di seluruh Tanah Melayu untuk mengasingkan penduduk setinggan daripada komunis.⁴⁶

Rancangan penempatan semula diteruskan dan dikembangkan oleh Sir Harold Briggs yang dilantik sebagai Pengarah Gerakan Darurat pada tahun 1950. Rancangan ini dikembangkan secara meluas oleh Sir Harold Briggs sehingga ke seluruh negeri-negeri Melayu, iaitu dari selatan (Johor) sehingga ke utara (Perlis). Untuk mencapai keberkesanan langkah ini dalam menentang gerakan komunis, kawasan penempatan semula atau juga dikenali sebagai kampung baru. Kampung baru yang wujud di bawah Rancangan Briggs adalah dipagari dengan kawat berduri dan sebuah pondok polis didirikan dengan tujuan untuk melindungi penduduknya daripada ancaman komunis. Di sini juga disediakan kemudahan asas seperti elektrik, air paip, padang permainan, tempat sembahyang, perkhidmatan kesihatan, sekolah, pusat komuniti dan kawalan keselamatan yang mencukupi untuk melindungi penduduk daripada keganasan komunis serta juga bagi memenangi sokongan mereka kepada kerajaan. Selain itu, perintah berkurung malam dikenakan di kampung baru dan penduduknya diperiksa sebelum mereka keluar bekerja pada awal pagi bagi mengelakkkan mereka menyeludup bahan makanan kepada komunis.⁴⁷ Penubuhan kampung baru ini turut dapat merapatkan hubungan antara pihak kerajaan dengan penduduk Cina. Ini kerana kemudahan di kampung baru ini adalah tidak diperoleh oleh setinggan sebelum rancangan penempatan semula bermula. Oleh itu, Sir Harold Briggs telah meletakkan asas ke arah mendapat keyakinan penduduk dalam usaha kerajaan menentang komunis. Kemenangan psikologi ini perlu bagi memastikan penduduk menjadi penyokong kerajaan dan menghapuskan kepercayaan mereka terhadap PKM yang sebelum ini berjanji memberi kehidupan yang lebih baik, bebas dan aman sekiranya komunis berkuasa di negara ini nanti.

Sehingga tahun 1954, sudah terdapat sejumlah 480 buah kampung baru di Tanah Melayu, dengan jumlah penduduknya 572,917 orang. Sehingga akhir zaman darurat, kira-kira setengah juta orang penduduk luar bandar dipindahkan ke kira-kira 600 buah kawasan penempatan baharu.⁴⁸ Sebaliknya, di pihak komunis, rancangan penempatan semula telah menyukarkan pergerakan mereka dan menjelaskan bantuan yang dapat mereka peroleh daripada penduduk di Tanah Melayu. Akibatnya, komunis bertindak ganas dan melakukan berbagai-bagai kegiatan yang menunjukkan mereka tidak suka kepada langkah kerajaan tersebut. Antaranya, komunis bertindak membunuh Penyelia Kawasan Petempatan Semula, Pegawai Kawasan Penempatan Semula dan kakitangannya, anggota polis serta askar dengan tujuan untuk mengganggu rancangan pemindahan dan penempatan semula dijalankan. Di sesetengah kawasan penempatan semula pula, komunis bertindak menyerang kakitangan penempatan semula yang bertugas sehingga berlaku tiga atau empat kali dalam tempoh seminggu. Manakala, bagi sesetengah kawasan penempatan semula yang telah siap untuk diduduki oleh penduduk pula musnah akibat dibakar oleh komunis.⁴⁹

Selain itu, kerajaan bertindak menghalang barang makanan dan keperluan hidup daripada sampai ke tangan komunis, yang sekaligus juga dapat melindungi penduduk daripada ancaman komunis. Sehubungan itu, satu senarai barang-barang kawalan dikemukakan pada Jun 1951. Yang termasuk dalam senarai barang kawalan kerajaan ialah beras, nasi, hasil-hasil beras, susu, tepung, makanan dalam tin, ubi kayu, minyak masak, bahan makanan yang telah dimasak, gula, garam, ikan kering, kertas, semua bahan atau alat untuk mencetak, menyalin atau menulis, dan ubat-ubatan.⁵⁰ Sebarang jualan yang melibatkan barang kawalan

oleh pekedai perlu dicatatkan kuantiti jualan, termasuk nama dan alamat pembeli. Pekedai runcit juga diminta membuka penutup bahan makanan dalam tin seperti sardin, susu pekat manis dan sebagainya supaya bahan makanan tersebut tidak dapat disimpan lama.⁵¹ Dengan itu, pihak berkuasa dapat mengelakkan bekalan makanan daripada jatuh ke tangan komunis. Langkah mengawal bahan makanan dan barang keperluan daripada diperoleh oleh komunis adalah satu langkah yang penting kerana pelaksanaan langkah sebegitu dapat menimbulkan masalah kekurangan makanan dan keperluan harian kepada komunis. Dengan itu, semangat juang anggota komunis dapat dilemahkan kerana mereka berdepan dengan pelbagai masalah seperti kelaparan, kesukaran dalam pergerakan dan melancarkan serangan. Sebaliknya, pelaksanaan langkah ini dapat meningkatkan lagi usaha kerajaan dalam mengelakkan komunis mempergunakan penduduk untuk mendapat keperluan harian dan seterusnya membolehkan kerajaan menghapuskan mereka.

Seterusnya, pada tahun 1952, kerajaan melonggarkan kanun kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu. Ini kerana kerajaan menyedari bahawa sokongan daripada kaum bukan Melayu adalah penting dalam usahanya menangani masalah komunis. Kerajaan juga sedar bahawa sekiranya orang Cina tidak diberi sesuatu hak dalam negara ini, tugas melawan komunis akan menjadi lebih sukar. Di bawah kanun kewarganegaraan baharu itu, sesiapa yang lahir di petempatan British di Pulau Pinang dan Melaka boleh menjadi warganegara secara automatik. Begitu juga sesiapa yang dilahirkan di negeri-negeri Melayu sekiranya salah seorang ibu atau bapanya juga dilahirkan di Tanah Melayu, orang itu layak menjadi rakyat Persekutuan. Yang lain boleh memperoleh kewarganegaraan melalui permohonan.⁵² Selaras itu, bermula pada tengah malam 14 September 1952, seramai 1,200,000 orang Cina, iaitu 60 peratus daripada jumlah orang Cina di Tanah Melayu dan 180,000 atau 30 peratus daripada jumlah orang India layak menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu.⁵³ Dengan itu, sokongan penduduk dapat dimenangi oleh kerajaan dan PKM kehilangan kumpulan yang berpotensi menjadi penyokongnya.

Selain itu, kerajaan juga menawarkan hadiah wang tunai kepada mereka yang berjaya memberi maklumat sehingga komunis dapat ditangkap oleh pihak berkuasa. Langkah ini bertujuan agar dapat menarik sokongan dan perhatian penduduk kepada usaha kerajaan dalam membanteras komunis. Dengan itu, penduduk memberi kerjasama dan maklumat tentang komunis kepada pihak berkuasa. Seterusnya, berdasarkan maklumat itu, pihak kerajaan dapat mengesan dan menghapuskan komunis. Wang tunai sebanyak \$250,000 ditawarkan kepada penangkapan Setiausaha Jawatankuasa Kerja Pusat PKM (Chin Peng), \$200,000 bagi penangkapan ahli Parti Buruh Pusat, \$150,000 bagi ahli Jawatankuasa Pusat PKM, dan ahli Jabatan Utara, Tengah dan Selatan. Tawaran wang tunai bernilai \$120,000 untuk pembekal maklumat tentang Setiausaha Jawatankuasa Bahagian dan Negeri, \$75,000 bagi ahli Jawatankuasa Negeri dan Bahagian, \$8,000 dan \$6,000 bagi Setiausaha Jawatankuasa Pengarah dan Ketua serta Penolong Ketua Platun. Seterusnya wang bernilai \$6,500 ditawarkan bagi penangkapan Setiausaha Jawatankuasa Cawangan, ahli Jawatankuasa Cawangan dan ketua pasukan kawalan serta ketua pasukan bersenjata, \$2,500 dan \$2,000 masing-masing untuk anggota biasa PKM dan ahli sekutu komunis yang bersenjata. Selain itu, wang tunai \$1,000 dibayar kepada pemberi maklumat tentang senjata komunis yang dijumpai mereka.⁵⁴ Ini merupakan antara strategi perang saraf yang digunakan oleh kerajaan dalam memperoleh kerjasama daripada penduduk Tanah Melayu.

Dalam perkembangan lain, pada tahun 1952, kerajaan mengambil langkah untuk mengelakkan Orang Asli daripada terus dipergunakan oleh komunis. Pada masa yang sama langkah kerajaan ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan dan meletakkan kawalan kerajaan ke atas masyarakat Orang Asli. Dilaporkan sehingga tahun 1953, terdapat 29,320 Orang Asli yang tinggal dalam hutan di Tanah Melayu masih terdedah kepada pengaruh komunis.⁵⁵ Untuk tujuan melindungi Orang Asli daripada komunis, *jungle fort* telah ditubuhkan. Terdapat sejumlah 11 buah *jungle fort* yang didirikan, iaitu Fort Tiang Post, Fort Legap dan Fort Kemar di Perak, Fort Iskandar di Selatan Pahang/Negeri Sembilan, Fort Langkap di Negeri Sembilan, Fort Shean, Fort Telanok, Fort Dixon dan Fort Sinderut di Pahang, Fort Brooke serta Fort Chabai di Kelantan.⁵⁶ Selaras itu, landasan kecil pendaratan pesawat perang dibina di *jungle fort* untuk memudahkan pendaratan pesawat yang membawa tentera dan bekalan kepada Orang Asli. Selain itu, pasukan tentera ditempatkan untuk menjaga keselamatan Orang Asli di pangkalan hutan.⁵⁷ Kerajaan juga mula memberi perhatian terhadap kemudahan asas kepada Orang Asli. Antaranya, bantuan perubatan disediakan kepada Orang Ali di dalam *jungle fort*. Pada tahun 1955, dua orang doktor dan pembantu perubatan diambil bertugas di *jungle fort*. Seorang doktor melawat *jungle fort* sekali dalam sebulan dengan helikopter atau kapal terbang.⁵⁸ Rancangan juga dibuat untuk menghantar sekumpulan kakitangan kesihatan bagi memberi lawatan yang kerap di kawasan penempatan Orang Asli. Pada tahun 1958, terdapat lebih 14,320 pesakit Orang Asli yang mendapat rawatan di pusat perubatan sementara yang disediakan di dalam *jungle fort*.⁵⁹ Begitu juga, bantuan kerajaan berbentuk makanan dihulurkan kepada Orang Asli di *jungle fort*.⁶⁰ Kemudahan perniagaan turut disediakan di *jungle fort*. Pihak Jabatan Orang Asli (JOA) menjadi orang tengah dalam mengawal jualan hasil hutan daripada Orang Asli dengan memastikan barang Orang Asli itu dibayar dengan harga yang berpatutan dan juga harga barang yang dijual oleh Orang Asli adalah berpatutan. Antara barang yang diniagakan ialah damar, balak, buluh, hasil anyaman, berbagai jenis rotan, sumpitan, penangkap ikan dan sebagainya.⁶¹ Dengan itu, Orang Asli diletakkan di bawah perlindungan dan pengawasan pasukan keselamatan melalui *jungle fort*. Langkah ini sekaligus dapat mengurangkan hubungan antara Orang Asli dengan komunis dan dapat memenangi sokongan Orang Asli kepada pihak berkuasa melalui kemudahan serta perlindungan yang diberikan oleh kerajaan.

Dalam usaha kerajaan membanteras gerakan komunis, aspek pertahanan adalah sangat penting. Untuk itu, antaranya pasukan Home Guard ditubuhkan di bawah *The Emergency (Home Guard) Regulations, 1950* dan *The Emergency (Home Guard) Regulations, 1951*. Penubuhan *Home Guard* oleh kerajaan adalah untuk mendapatkan kerjasama daripada penduduk bagi mempertahankan kampung halaman masing-masing daripada ancaman komunis. Dengan itu, pasukan *Home Guard* dapat membantu pihak berkuasa mengawal keselamatan di kawasan penempatan semula, kampung dan kawasan yang sering diancam oleh komunis. Setiap lelaki yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun digalakkan supaya mendaftarkan diri menjadi anggota *Home Guard* bagi menjaga keselamatan kampung halaman mereka. Menjelang Julai 1951 sudah terdapat sejumlah 79,000 orang *Home Guard* di Tanah Melayu. Bilangan ini meningkat kepada 139,829 orang pada November 1951 yang diatur dalam 806 unit atau kumpulan.⁶² *Home Guard* ditugaskan untuk meronda dan mengawal kawasan yang mudah menjadi sasaran komunis seperti kampung, kampung baru, pekan, kawasan penempatan semula dan ladang getah. *Home Guard* juga diatur untuk memberi perhatian kepada orang asing yang hadir di kampung atau kawasan penempatan dan kemudian melaporkannya kepada pihak polis dengan segera. Mereka juga ditugaskan untuk mengatur perkhidmatan kesihatan di sekolah dan pelibatan dalam kerja kebajikan di kawasan masing-masing. Mereka juga bertindak untuk menyekat pergerakan makanan dan ubat-ubatan

dari kampung dan kawasan petempatan daripada jatuh ke tangan pihak komunis.⁶³ Dengan itu, jelas bahawa pasukan *Home Guard* turut memainkan peranan yang penting untuk membantu kerajaan dalam melindungi kampung, kawasan petempatan dan pekan serta mengesan kehadiran dan kegiatan komunis di kawasan masing-masing. Dengan adanya pasukan *Home Guard*, telah dapat mengurangkan beban tugas polis dan tentera kerana tugas mereka di pekan, kampung serta kawasan petempatan diambil alih atau dijalankan bersama dengan *Home Guard*. Dengan itu, polis dan tentera boleh menumpukan lebih banyak masa kepada usaha mengesan dan memburu serta menghapuskan komunis di kawasan gerakan komunis. Penubuhan pasukan *Home Guard* ini juga dapat melahirkan perasaan tanggungjawab penduduk tempatan terhadap aspek pertahanan di kawasan masing-masing dan mewujudkan kerjasama antara penduduk dengan kerajaan.

Pada 20 Disember 1950, kerajaan mengumumkan kelulusan *Manpower Regulations* dalam Majlis Perundangan Persekutuan sebagai usaha kerajaan memerangi komunis di Tanah Melayu.⁶⁴ Di bawah peraturan ini, pihak kerajaan mempunyai kuasa untuk mengarahkan lelaki bujang berumur antara 18-24 tahun untuk menjalankan perkhidmatan sepenuh masa dalam pasukan polis selama dua tahun atau sehingga zaman darurat berakhir. Berikutnya, 290,000 orang pemuda Cina, Melayu dan India dalam lingkungan umur perkhidmatan yang menetap di Tanah Melayu diminta mendaftarkan diri dengan pihak kerajaan.⁶⁵ Secara keseluruhannya, *Manpower Regulations* tidak mencapai matlamat pelaksanaannya. Sebab utama ialah ramai belia Cina bertindak mengelakkan diri daripada peraturan ini dengan meninggalkan Tanah Melayu dan pergi ke Singapura, Hong Kong, Taiwan, China, Sumatera dan Thailand. Keadaan ini nyata di mana semasa pelaksanaan *Manpower Regulations*, angka sasaran seramai 20,000 orang tidak tercapai. Sehingga 31 Disember 1951, kerahan tenaga yang dicapai hanya seramai 3,952 orang yang jauh kurang daripada angka sasaran yang ditetapkan dalam *Manpower Regulations*.⁶⁶

Untuk memenuhi keperluan pertahanan pada zaman darurat, kekuatan pasukan polis dan tentera telah ditingkatkan. Selain itu, pos-pos polis tambahan, kemudahan pengangkutan dan peralatan, serta senjata disediakan yang merupakan sebahagian daripada program kerajaan dalam memperkembangkan pasukan polis pada zaman darurat. Cawangan Khas turut diberi penekanan oleh kerajaan dalam usaha perisikan. Dokumen komunis yang dirampas dan komunis yang menyerah diri diserahkan kepada Cawangan Khas untuk disoal siasat. Apabila Undang-undang Darurat diisytiharkan pada 1948, kekuatan anggota keselamatan di Tanah Melayu terdiri daripada hampir 10,000 orang polis dan 10 batalion tentera, iaitu dua batalion tentera British, lima batalion tentera Gurkha, dan tiga batalion askar Melayu. Sehingga tahun 1954, terdapat sejumlah 67,025 orang polis dan hampir 40,000 orang askar yang terdiri daripada 25,000 orang askar Britain, 10,000 orang askar Gurkha, lima batalion rejimen askar Melayu, satu batalion dari Afrika dan satu batalion dari rejimen Fiji. Selain itu, terdapat juga hampir 200,000 orang *Home Guard* yang berkhidmat dalam mempertahankan keamanan negara. Pasukan Polis Hutan yang dikenali sebagai Jungle Squad juga dibentuk untuk membantu pasukan polis terutama dalam operasi memburu komunis dalam hutan.⁶⁷ Dengan adanya pasukan pertahanan yang kuat ini, operasi ketenteraan bagi membanteras komunis terus dilancarkan dengan giat bagi menghapuskan gerakan komunis di Tanah Melayu.

Sementara itu, kerajaan juga mengambil tindakan untuk memburu komunis di dalam hutan dan menghapuskan tempat persembunyian mereka. Dalam operasi memburu komunis yang dilancarkan oleh pasukan keselamatan telah memperoleh beberapa kejayaan seperti terjumpanya kem, tempat simpanan senjata api, makanan dan lain-lain barang keperluan

komunis. Begitu juga anggota komunis dapat ditangkap atau dibunuh. Ini menunjukkan aspek ketenteraan memainkan peranan yang penting dalam melemahkan gerakan komunis dan seterusnya membanteras ancaman komunis. Antaranya, Operasi Snow White dilancarkan di kawasan Karak-Mentakab-Ayer Hitam-Jelebu-Menchis (Jun 1949), Operasi Pintail (Julai 1949-Ogos 1949) di kawasan Perak Utara, Operasi Widgeon (10 Ogos-27 September 1949) di sekitar Ipoh dan Cameron Highlands bagi menyekat Rejimen Ke-5 PKM meluaskan pengaruhnya di kawasan barat laut Pahang dan timur Perak, Operasi Pathfinder (2-17 September 1949) dan Operasi Overall (7-21 September 1949) di Kedah, Operasi Constellation (September dan Oktober 1949) di sekitar kawasan Yong Peng-Batu Pahat-Muar, Labis dan Gemas-Jementa, Operasi Springtide (Disember 1951) di Perak Tengah, Operasi Apollo di Kuala Lipis, Pahang pada 1954, Operasi Tentache (Ogos-Disember 1954) di kawasan Gua Musang, Kelantan, Operasi Termite (Julai-November 1954) di kawasan hutan di timur Ipoh, Operasi Ginger di Sungai Siput dan Ipoh pada tahun 1958, serta operasi lain. Operasi berterusan yang dilancarkan oleh pihak berkuasa mengakibatkan gerakan komunis di negeri-negeri Melayu menjadi semakin terhimpit dan sukar.

Selain itu, kerajaan menggunakan *Surrendered Enemy Personnel* (SEP) untuk menentang anggota komunis yang masih bergerak dalam hutan di Tanah Melayu. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh kerajaan, didapati kebanyakan daripada SEP ini adalah penoreh getah, petani, buruh, pelombong dan tukang kayu yang terpengaruh dengan komunis lalu menyertai mereka.⁶⁸ Anggota komunis yang menyerah diri ini dipujuk dan diberi layanan yang baik sehingga mereka bersetuju bekerjasama dengan pihak kerajaan. Dengan itu, mereka tidak akan dijatuhkan hukuman yang berat ke atas kesalahan yang dilakukan ketika mereka menyertai gerakan komunis. SEP ini sentiasa membekalkan maklumat kepada pihak kerajaan dan sebilangan daripada mereka bersedia untuk memandu pasukan keselamatan ke tempat persembunyian komunis dan tempat penyimpanan bekalan makanan komunis. Malahan ada juga antaranya bersetuju untuk kembali semula ke hutan bagi meminta rakan-rakan seperjuangannya supaya keluar dari hutan dan menyerah diri kepada pihak berkuasa. Tindakan SEP ini dapat melemahkan semangat perjuangan komunis untuk terus berjuang dalam hutan yang begitu sukar dan sentiasa berdepan dengan bahaya serangan pasukan keselamatan. Pada tahun 1953, kerajaan mengambil keputusan untuk membekalkan sebahagian daripada SEP dengan senjata dan mengumpulkan mereka dalam sebuah pasukan khas yang dikenali sebagai *Special Operational Volunteer Force* (SOVF). Pada ketika itu, terdapat sejumlah 300 orang SEP yang berkhidmat dalam SOVF dan mereka dibahagikan kepada 15 kumpulan.⁶⁹ Kewujudan SEP ini memudahkan pihak kerajaan merancang dan melaksanakan operasi mengesan tempat persembunyian komunis dan menghapuskan mereka.

Selain itu, kerajaan telah memajukan serta menguatkan lagi perkhidmatan penerangan dalam usaha memenangi sokongan penduduk menentang komunis. Pejabat Jabatan Penerangan ditubuhkan di setiap negeri dan cawangannya di setiap daerah yang berperanan untuk memberikan penerangan kepada masyarakat dan menimbulkan kesedaran mereka agar menyokong dasar kerajaan untuk menghapuskan komunis. Pada peringkat permulaannya, penerangan dan maklumat tentang dasar kerajaan dalam membanteras komunis disalurkan melalui akhbar seperti *The Straits Times*, *Farmers' News* dan *New Path News* untuk sampai ke pengetahuan orang ramai. Kemudian pihak kerajaan sendiri yang mengeluarkan dan mencetak risalah antikomunis. Sehubungan itu, Jabatan Perhubungan Raya (dikenali sebagai Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu bermula pada tahun 1950) yang berpusat di Kuala Lumpur telah diberi tanggungjawab untuk mencetak dan menyebarkan risalah antikomunis kepada penduduk, serta risalah kerajaan kepada komunis di dalam hutan. Risalah

kerajaan ini secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu risalah bergambar dan risalah bertulis dalam pelbagai bahasa. Risalah itu bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam tentang usaha kerajaan dalam menangani komunis dan menyedarkan penduduk tentang kejadian yang dilakukan oleh komunis dalam menghuruharakan keadaan di Tanah Melayu. Penyebaran risalah ini juga bertujuan untuk menyedarkan penduduk tentang niat sebenar PKM supaya penduduk tidak memberi sokongan dan bantuan kepada komunis. Selain itu, kerajaan juga mencetak dan menyebarkan risalah kepada anggota komunis yang berada dalam hutan melalui udara, iaitu helikopter atau pesawat. Risalah jenis ini bertujuan bagi menyeru komunis supaya keluar dari hutan dan menyerah diri kepada kerajaan.

Langkah lain yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah komunis ialah dengan mengisytiharkan Kawasan Putih yang bertujuan untuk memikat hati penduduk supaya memberi kerjasama dan maklumat kepada pasukan keselamatan tentang kegiatan komunis. Melalui usaha itu, kawasan mereka akan diisytiharkan bebas dari kegiatan komunis dan segala sekatan darurat dihapuskan. Buat pertama kalinya, di Tanah Melayu, pada 3 September 1953, kawasan seluas 221 batu persegi di Melaka diisytiharkan sebagai Kawasan Putih dan seramai 160,000 orang penduduk di kawasan itu bebas dari pengaruh komunis. Berikutnya satu demi satu Kawasan Putih diisytiharkan dan menjelang penamat darurat, hampir keseluruhan Tanah Melayu menjadi Kawasan Putih yang bebas daripada kegiatan komunis. Kewujudan Kawasan Putih dapat meningkatkan keyakinan penduduk untuk bekerjasama dengan kerajaan dan pada masa yang sama pula melemahkan sokongan penduduk kepada gerakan komunis.

Gerakan komunis semakin lemah setelah Perikatan memenangi pilihan raya Persekutuan 1955 dan seterusnya pencapaian kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Penduduk juga tidak lagi percaya kepada propaganda komunis untuk menentang penjajahan kerana Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan dan pemerintahan diterajui oleh Perikatan yang terbentuk daripada kerjasama antara *United Malays National Organization* (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC). Bagaimanapun, usaha untuk menghapuskan saki-baki komunis masih diteruskan oleh kerajaan Perikatan sehingga akhirnya hanya tinggal kurang daripada 300 orang komunis di Tanah Melayu dan mereka tidak mampu lagi melancarkan kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara. Seterusnya, pada 19 April 1960, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat tamat dalam majlis pembukaan sidang Parlimen dan berkuatkuasa mulai 31 Julai 1960. Dengan itu, berakhirlah darurat yang berlangsung selama 12 tahun 45 hari di Tanah Melayu. Dalam persaingan antara komunis dengan kerajaan ini, komunis telah tewas dan terpaksa mengundurkan diri dari Tanah Melayu buat sementara waktu.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa persaingan wujud antara komunis dengan kerajaan dalam menegakkan kuasa dan pengaruh masing-masing di Tanah Melayu. PKM bertujuan menegakkan kuasanya dan mendirikan republik komunis, manakala kerajaan British pula ingin meneruskan penguasaan dan pentadbirannya di Tanah Melayu. Apabila komunis menjadi satu ancaman kepada pentadbiran British, maka kerajaan bertindak bersungguh-sungguh untuk menghapuskan gerakan komunis. Tanah Melayu diletakkan di bawah Undang-undang Darurat yang berkuatkuasa dari 18 Jun 1948 hingga 31 Julai 1960. Pada zaman

darurat, semua pihak di negeri-negeri Melayu berdepan dengan bahaya ancaman komunis. Komunis melancarkan serangan ke atas orang awam, pasukan keselamatan dan pelombong, serta peladang berbangsa Eropah. Mereka juga mensabotaj sistem perhubungan yang menyebabkan kehidupan penduduk terjejas. Komunis menyerang bas, lori, dan mengganggu perkhidmatan kereta api serta mensabotaj kemudahan asas penduduk. Pada masa yang sama, serangan komunis ke atas kawasan estet getah dan lombong bijih timah telah mengganggu kelancaran pembangunan ekonomi negeri dan pencarian rezeki penduduk. Ini selaras dengan tujuan PKM untuk menguasai Tanah Melayu dan membentuk sebuah kerajaan komunis. Oleh itu, usaha diambil oleh PKM untuk mendapatkan sokongan dan meletakkan pengaruh dalam kalangan penduduk. Ancaman dan keganasan dilakukan oleh komunis apabila penduduk enggan memberi sokongan kepada mereka dan kadangkala tindakan komunis hanya untuk menimbulkan keadaan tidak tenteram. Dengan itu, penduduk boleh hilang keyakinan kepada kerajaan dan kesempatan itu boleh digunakan oleh komunis untuk memperkuatkan barisan tenteranya.

Di pihak kerajaan pula, kerajaan tidak membiarkan ancaman komunis berterusan di negeri-negeri Melayu kerana keadaan itu boleh menjadikan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Seterusnya, pentadbiran British di Tanah Melayu keseluruhannya boleh terjejas. Oleh itu, usaha diambil oleh kerajaan British dan diteruskan oleh kerajaan Perikatan dengan tujuan untuk membanteras komunis. Usaha kerajaan itu mendatangkan kesulitan kepada gerakan komunis, terutama dalam memperoleh bekalan makanan, maklumat dan bantuan dari kalangan penduduk. Sebaliknya, usaha kerajaan itu berjaya memenangi kerjasama penduduk kepada pihak kerajaan. Dengan itu, gerakan komunis dapat ditumpaskan dan penguatkuasaan darurat ditarik balik pada 31 Julai 1960. Dengan itu, dalam persaingan yang berlaku di antara kerajaan dengan komunis akhirnya dapat dimenangi oleh pihak kerajaan dan komunis dapat dikalahkan.

Penghargaan

Penulis ingin melahirkan penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur atas kerjasama ketika penyelidikan dijalankan.

Biodata

* **Ho Hui Ling** (hohuiling@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 23 Januari 2023

Reviewed: 30 Januari 2023

Accepted: 1 April 2023

Nota

¹ *The Communist Threat to The Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Press, 1959, hlm. 15; Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 6.

² Maklumat lanjut, lihat Monthly Review of Chinese Affairs, July 1939, CO273/654, Review of Chinese Affairs. Rujuk juga Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010, hlm. 8.

³ Monthly Review of Chinese Affairs, December 1937, CO273/628, Review of Chinese Affairs.

⁴ Monthly Review of Chinese Affairs, July 1938, CO273/641, Review of Chinese Affairs.

⁵ Terdapat lapan rejimen MPAJA yang bergerak di Tanah Melayu, iaitu *First Independent Regiment* berpusat di Selangor, *Second Independent Regiment* di Negeri Sembilan, *Third Independent Regiment* di Utara Johor, *Fourth Independent Regiment* di Selatan Johor, *Fifth Independent Regiment* di Perak, *Sixth Independent Regiment* di Barat Pahang, *Seventh Independent Regiment* Pahang Timur dan *Eight Independent Regiment* di Kedah. Keterangan lanjut, lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance & Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1946 (Third Edition)*, Singapore: Singapore University Press, 2003, hlm. 60-61; Ho Hui Ling, "Bintang Tiga dan Darurat di Negeri Selangor: satu Perbincangan Umum", *Malawati*, Jurnal Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan, Bil. 4, 2001, hlm. 34.

⁶ Dato' J. J. Raj, Jr, *The War Years & After*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2000, hlm. 57; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 149-150.

⁷ Ramlan Hamzah, "Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", *Jebat*, Bil. 3/4, 1973/74/1974/75, hlm. 61; Michael R. Stenson, *Industrial Conflict in Malaya, Prelude to the Communist Revolt of 1948*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 58.

⁸ Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 17-18; Gwee Hock Aun, *The Emergency in Malaya*, Penang: Sinaran, 1966, hlm. 16; James P. Ongkili, "Darurat dan British, 1948-1960: Suatu Penilaian", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (ed). *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 6.

⁹ *The Communist Threat to The Federation of Malaya*, hlm. 28.

¹⁰ Memorandum on The Situation in Malaya, CO717/178, Law and Order.

¹¹ Lihat *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1957, hlm. 79. Rujuk juga Alex Josey, *Trade Unionism in Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1954, hlm. 17; Hassan Yusof, "Pasukan Polis di Tanah Melayu Semasa Bermula Kempem Keganasan Komunis Sehingga Pengisytiharan Undang-undang Darurat: 1947-Ogos 1948", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 25, 1997, hlm. 6; Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited, 1973, hlm. 295.

¹² *Communist Banditry in Malaya-Extracts From Speeches by The High Commissioner Sir Henry Gurney, K.C.M.G., October 1948 to December 1949*, Kuala Lumpur: Department of Public Relations, Federation of Malaya, hlm. 2.

¹³ Malayan Security Service, Political Intelligence Journal No. 2 of 1948, CO537/3751, Malaya Political Developments, Political Intelligence Journals.

¹⁴ Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971, hlm. 109; Edgar O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War 1948-1960*, London: Faber and Faber, 1960, hlm. 78; Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 22-23.

¹⁵ "Tiada Kerja Penorehan Getah di Estet, Lima Kes Pembunuhan Dalam Sehari, Tiga Orang Eropah Terbunuh", *Nanyang Siang Pau*, 18 June 1948; "Gunmen Kill Three Planters, Seriously Injure Estate Contractor", *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 17 June 1948; "Five Estate Murders in One Day", *The Straits Times*, 17 June 1948.

¹⁶ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 43; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 36.

¹⁷ "Planters Killed in The Emergency", CO1030/15, Casualties Among Rubber Planters in The Federation of Malaya Since The Commencement of The Emergency; Names of European Rubber Planters Who Were Not Auxiliary Policemen Killed by Bandits Since Commencement of The Disturbances in Respect of Whom Claims have been Received, CO1022/25, Casualties Among Rubber Planters in Malaya Since The Commencement of The Emergency.

¹⁸ Labour Department Negeri Sembilan, Report For June 1949, N.S. State Secretariat No. 260/49, Monthly Report For Labour Department, Negeri Sembilan 1949.

¹⁹ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 62.

²⁰ Ibid., hlm. 53-58.

²¹ Chronology of Important Events During The Emergency in Malaya For The Period January to June, 1950, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency.

- ²² Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 58-59.
- ²³ “Bandits Burn Village – 500 Homeless”, *The Straits Times*, 27 July 1948.
- ²⁴ Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No.83 For Week Ending 9 February 1950, CO717/198, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary.
- ²⁵ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 58-59.
- ²⁶ S.S. Awbery and F.W. Dalley, *Labour and Trade Union Organisation in The Federation of Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm. 3-4.
- ²⁷ Lihat Cipher Telegram, 21 August 1948, CO 825/66, FARELF Reports on Internal Conditions.
- ²⁸ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 230-231.
- ²⁹ Inward Telegram, 27 August 1949, Report For Week Ending Midday 25th August 1949, CO717/173, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation. Lihat juga Colonial Office Malaya, 19th-25th August 1949, CO717/178, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared in Eastern Department (Colonial Office).
- ³⁰ Colonial Office Malaya, 30th September-6th October, 1949, CO717/178, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared in Eastern Department (Colonial Office).
- ³¹ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 240.
- ³² The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 87 For The Week Ending The 3rd January 1952, Part III, CO1022/13, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity.
- ³³ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 96-97.
- ³⁴ Ibid., hlm. 240.
- ³⁵ *Federation of Malaya Annual Report 1950*, hlm. 163.
- ³⁶ Office of The Member For Economic Affairs, The Treasury, Kuala Lumpur, Malaya, *Progress Report on The Development Plan of The Federation of Malaya 1950-1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 56-58.
- ³⁷ Emergency (Registration of Residents) Regulations, 1948, Sel. Sec. 841/1949, Draft Emergency (Registration of Residents) Regulations; Instructions For Guidance of Authenticating Officers, D.O.M. No. 284/1948, National Registration of Persons.
- ³⁸ Inward Telegram, 23 April 1949, CO717/173, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation.
- ³⁹ *Federation of Malaya Annual Report 1956*, hlm. 31.
- ⁴⁰ Noel Barber, *The War of the Running Dogs*, London: Collins, 1971, hlm. 76.
- ⁴¹ Anatomy of Communist Propaganda, Federation of Malaya, CO875/72, Supply of Material From I.O. Dept. Communist Banditry in Malaya.
- ⁴² Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey For October 1948, CO717/175, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.
- ⁴³ Surat Pengatur Bulan Raayat Malaya Melawan Pengganas-Pengganas kepada semua Penghulu, Kuantan 82/1950, Malayan Peoples Anti-Bandit Month; Sulaiman Bin Haji Abdul Samad, “Bulan Rakyat Melawan Penjahat”, dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj Nawang (eds.), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 150.
- ⁴⁴ Sulaiman Bin Haji Abdul Samad, “Bulan Rakyat Melawan Penjahat”, hlm. 158. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1950*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 141.
- ⁴⁵ Extract From *The New York Times*, CO717/201, Law and Order, The Squatter Problem.
- ⁴⁶ Ho Hui Ling, “Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan Terhadap Masalah dan Langkah Kerajaan Memenangi Sokongan Penduduk di Kawasan Penempatan Semula”, *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 32, 2004, hlm. 108. Lihat juga Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature.
- ⁴⁷ D. INF. 1/51/12, Federation of Malaya Weekly News Summary, 16th March 1951, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary; Extract From *The New York Times*, CO717/201, Law and Order, The Squatter Problem; Malaya, CO1022/2, Information Supplied to Government Departments on The General Situation of The Emergency in Malaya.
- ⁴⁸ *Into The Mainstream of Development: Gerakan’s Analysis and Proposals on New Villages*, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986, hlm. 35-36.
- ⁴⁹ Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomendature.
- ⁵⁰ Important Notice on Food Control, INF. 180/55, Leaflet No. 3462, Food Denial Operation (Central Kedah); Leaflet on Food Restrictions, INF. 70/1954, Leaflet No. 3012, Food Restrictions, Selangor.
- ⁵¹ Edgar O’Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War 1948-60*, hlm. 112; R.W. Kommer, *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of A Successful Counterinsurgency Effort*, Santa Monica, California: Rand, 1972, hlm. 58.

⁵² *Times*, 15 September 1952, CO1022/174, Malayan Citizenship Legislation; Extract From *The Straits Budget* For May 15th, 1952, CO1022/174, Malayan Citizenship Legislation; *The New York Times*, 19 July 1952, CO1022/174, Malayan Citizenship Legislation.

⁵³ *Times*, 15 Sept. 1952, CO1022/174, Malayan Citizenship Legislation; Communication From The Chair-Address By His Excellency The High Commissioner, CO1022/100, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council.

⁵⁴ C. Northcote Parkinson, *Templer in Malaya*, Singapore: Donald Moore Ltd., 1954, hlm. 30.

⁵⁵ Department of Aborigines, The Aborigine Factor in The Current Emergency, Appendix 'B', Kelantan Sect. Conf. No. 309/54 Pt. II, Emergency Directives (File II).

⁵⁶ Maklumat lanjut, lihat *The Long Term Administration of The Aborigines* (21st Feb. 1959), Department of Aborigines, Federation of Malaya; Joint Army/Air/Police Standing Operation Instruction No. 1-Operation Medal, Kelantan Sect. Conf. No. Sec. 1/55, D. of Ops' Instruction No. 2, The Relief of A Jungle Fort Attacked by Terrorists (SWEC Operational Instruction-1954/1955).

⁵⁷ *Federation of Malaya Year Book 1956*, Kuala Lumpur: The Malay Mail Press, t.t., hlm. 88; *Federation of Malaya Annual Report 1954*, H.E. The High Commissioner's Address to The Legislative Council to be Delivered on 25th November 1953, CO1022/100, The High Commissioners Addresses to The Legislative Council. Lihat juga Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, Kuala Lumpur: Vinpress, 1998, hlm. 117; Colin Nicholas, *The Orang Asli and The Contest For Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, Copenhagen: International Work Group For Indigenous Affairs, 2000, hlm. 82; John D. Leary, *Violence & The Dream People: The Orang Asli in the Malayan Emergency 1948-1960*, Athens: Ohio University Center For International Studies, 1995, hlm. 98-100.

⁵⁸ Alun Jones, "The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya", *JSEAH*, Vol. IX, No. 2, September 1968, hlm. 297; T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. 270.

⁵⁹ *The Long Term Administration of The Aborigines* (21st Feb. 1959), Department of Aborigines, Federation of Malaya, hlm. 9.

⁶⁰ Pegawai Kesihatan, Pahang Timur, Kuantan kepada Pegawai Daerah, Kuantan, bertarikh 28 Januari 1956, Kuantan 458/1952, Matters Relating to Aborigines.

⁶¹ *The Long Term Administration of The Aborigines* (21st Feb. 1959), Department of Aborigines, Federation of Malaya, hlm. 10.

⁶² Home Guard, Kuala Lumpur, 12th November 1951, Pejabat Daerah/Tanah, Nibong Tebal, Pulau Pinang, D.O.N.T. 179/50, Co-operation of the Civil Population in Emergency Measures (Formation of Home Guards). Lihat juga Home Guard, Kuala Lumpur, 12th November 1951, Pejabat Daerah Kemaman A.O.E., Trengganu, A.O.E. 10/52, Home and Kampong Guards.

⁶³ *Federation of Malaya Annual Report 1948*, Kuala Lumpur: Government Press, 1949, hlm. 184; *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 3; Home Guard, Kuala Lumpur, 12th November 1951, Pejabat Daerah/Tanah Nibong Tebal, Pulau Pinang, D.O.N.T. 179/50, Co-operation of the Civil Population in Emergency measures (Formation of Home Guards).

⁶⁴ *Proceeding of The Legislative Council of The Federation of Malaya (Fourth Session)*, February 1951-February 1952, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 357.

⁶⁵ Savingram From High Commissioner For The Federation of Malaya to Secretary of State for the Colonies, 20th February 1951, CO537/7341, Political Intelligence Reports, Federation of Malaya; Colonial Office Malaya, 15th-21st December 1950, CO717/201, Law and Order, Weekly Situation Reports; No. 20/52, National Service For All in The Federation, Temerloh 306/48/Part III, Disseminations of Facts and Advice During The Present Emergency to The Malays in Rural Areas; Manpower Regulations-The Truth About Emergency Service, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Putih, D.O.P.P. 13/1951, Facts and Advice to Malays, 1951.

⁶⁶ *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 212-213.

⁶⁷ Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 149-150.

⁶⁸ Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda: The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, Richmond, Surrey: Curzon Press, 2002, hlm. 29.

⁶⁹ R. Thambipillay, *The Malayan Police Force in the Emergency 1948-1960*, Ipoh: R. Thambipillay, 2003, hlm. 39.

Rujukan

Sumber Primer

A.O.E., Trengganu, A.O.E. 10/52, Home and Kampong Guards.

“Bandits Burn Village – 500 Homeless”, *The Straits Times*, 27 July 1948.

CO273/628, Review of Chinese Affairs.

CO273/641, Review of Chinese Affairs.

CO273/654, Review of Chinese Affairs.

CO537/3751, Malaya Political Developments, Political Intelligence Journals.

CO537/7341, Political Intelligence Reports, Federation of Malaya.

CO717/173, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation.

CO717/175, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.

CO717/178, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared in Eastern Department (Colonial Office).

CO717/198, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary.

CO717/201, Law and Order, The Squatter Problem.

CO825/82, Political Intelligence Reports, Federation of Malaya.

CO 825/66, FARELF Reports on Internal Conditions.

CO875/72, Supply of Material From I.O. Dept. Communist Banditry in Malaya.

CO1022/2, Information Supplied to Government Departments on The General Situation of The Emergency in Malaya.

CO1022/9, Weekly Situation Reports on Bandit Activity in Malaya.

CO1022/13, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity.

CO1022/25, Casualties Among Rubber Planters in Malaya Since the Commencement of the Emergency.

CO1022/100, The High Commissioners Addresses to The Legislative Council.

CO1022/174, Malayan Citizenship Legislation.

CO1030/15, Casualties Among Rubber Planters in The Federation of Malaya Since the Commencement of the Emergency.

Communist Banditry in Malaya-Extracts From Speeches by The High Commissioner Sir Henry Gurney, K.C.M.G., October 1948 to December 1949, Kuala Lumpur: Department of Public Relations, Federation of Malaya.

D.O.M. No. 284/1948, National Registration of Persons.

D.O.N.T. 179/50, Co-operation of the Civil Population in Emergency Measures (Formation of Home Guards).

D.O.P.P. 13/1951, Facts and Advice to Malays, 1951.

Federation of Malaya Annual Report 1948, Kuala Lumpur: Government Press, 1949.

Federation of Malaya Annual Report 1950, Kuala Lumpur: Government Press, 1951.

Federation of Malaya Annual Report 1951, Kuala Lumpur: Government Press, 1952.

Federation of Malaya Annual Report 1956, Kuala Lumpur: Government Printer, 1957.

Federation of Malaya Year Book 1956, Kuala Lumpur: The Malay Mail Press, t.t.

“Five Estate Murders in One Day”, *The Straits Times*, 17 June 1948.

“Gunmen Kill Three Planters, Seriously Injure Estate Contractor”, *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 17 June 1948.

INF. 70/1954, Leaflet No. 3012, Food Restrictions, Selangor.

INF. 180/55, Leaflet No. 3462, Food Denial Operation (Central Kedah).

Kelantan Sect. Conf. No. 309/54 Pt. II, Emergency Directives (File II).

Kelantan Sect. Conf. No. Sec. 1/55, D. of Ops’ Instruction No. 2, The Relief of A Jungle Fort Attacked by Terrorists (SWEC Operational Instruction—1954/1955).

Kuantan 82/1950, Malayan Peoples Anti-Bandit Month.

Kuantan 458/1952, Matters Relating to Aborigines.

N.S. State Secretariat No. 260/49, Monthly Report For Labour Department, Negeri Sembilan 1949.

Office of The Member For Economic Affairs, The Treasury, Kuala Lumpur, Malaya, *Progress Report on The Development Plan of The Federation of Malaya 1950-1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953.

Proceeding of The Legislative Council of The Federation of Malaya (Fourth Session), February 1951–February 1952, Kuala Lumpur: Government Press, 1952.

RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary.

Sel. Sec. 841/1949, Draft Emergency (Registration of Residents) Regulations.

Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency.

Sel. Sec. 991/1952, Resettlement Nomendature.

Temerloh 306/48/Part III, Disseminations of Facts and Advice During The Present Emergency to The Malays in Rural Areas.

“Tiada Kerja Penorehan Getah di Estet, Lima Kes Pembunuhan Dalam Sehari, Tiga Orang Eropah Terbunuh”, *Nanyang Siang Pau*, 18 June 1948.

The Communist Threat to The Federation of Malaya, Kuala Lumpur: Government Press, 1959.

The Long Term Administration of The Aborigines (21st Feb. 1959), Department of Aborigines, Federation of Malaya.

Sumber Sekunder

Awbery, S.S. and F.W. Dalley, *Labour and Trade Union Organisation in The Federation of Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948.

Barber, Noel, *The War of the Running Dogs*, London: Collins, 1971.

Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance & Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1946 (Third Edition)*, Singapore: Singapore University Press, 2003.

Clutterbuck, Richard, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited, 1973.

Gwee Hock Aun, *The Emergency in Malaya*, Penang: Sinaran, 1966.

Hanrahan, Gene Z., *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971.

Harper, T.N., *The End of Empire and The Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999.

Hassan Yusof, “Pasukan Polis di Tanah Melayu Semasa Bermula Kempen Keganasan Komunis Sehingga Pengisytiharan Undang-undang Darurat: 1947-Ogos 1948”, *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 25, 1997.

Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010.

Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.

Ho Hui Ling, “Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan Terhadap Masalah dan Langkah Kerajaan Memenangi Sokongan Penduduk di Kawasan Penempatan Semula”, *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 32, 2004.

Ho Hui Ling, “Bintang Tiga dan Darurat di Negeri Selangor: satu Perbincangan Umum”, *Malawati, Jurnal Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan*, Bil. 4, 2001.

Into The Mainstream of Development: Gerakan’s Analysis and Proposals on New Villages, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986.

J.J. Raj, Jr, Dato’, *The War Years & After*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2000.

Jones, Alun, “The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya”, *JSEAH*, Vol. IX, No. 2, September 1968.

Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (ed). *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984.

Komer, R.W., *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of A Successful Counterinsurgency Effort*, Santa Monica, California: Rand, 1972.

Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda: The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, Richmond, Surrey: Curzon Press, 2002.

Leary, John D., *Violence & The Dream People: The Orang Asli in the Malayan Emergency 1948-1960*, Athens: Ohio University Center For International Studies, 1995.

Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Nicholas, Colin, *The Orang Asli and The Contest For Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, Copenhagen: International Work Group For Indigenous Affairs, 2000.

O’Ballance, Edgar, *Malaya: The Communist Insurgent War 1948-1960*, London: Faber and Faber, 1960.

Parkinson, C. Northcote, *Templer in Malaya*, Singapore: Donald Moore Ltd., 1954.

R. Thambipillay, *The Malayan Police Force in the Emergency 1948-1960*, Ipoh: R. Thambipillay, 2003.

Ramlan Hamzah, “Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya”, *Jebat*, Bil. 3/4, 1973/74/1974/75.

Stenson, Michael R., *Industrial Conflict in Malaya, Prelude to the Communist Revolt of 1948*, London: Oxford University Press, 1970.

Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, Kuala Lumpur: Vinpress, 1998.